

Mendayung antara sukan tertua dalam sejarah manusia bermula sejak zaman Greek purba lagi. Sukan ini mula berkembang di England abad ke-18, dengan penganjuran perlumbaan dalam kalangan bot pelombong dan berkembang pada awal abad ke-19 dalam kalangan penuntut, bermula di Universiti Oxford dan Cambridge.

Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), sukan mendayung diangkat sebagai antara ikon UTHM, khususnya apabila salah seorang pendayungnya, iaitu Mohd Zulfadli Rozali diiktiraf atlet sukan mendayung kebangsaan dan kini berada tangga kelapan pendayung terbaik Asia.

Menyedari bahawa dalam sukan, kecederaan adalah ancaman yang sukar dikawal dan melahirkan ahli sukan berprestasi tinggi memerlukan usaha yang terancang, Muhammad Syafuan Safiee bersama penyelia Projek Sarjana Muda (PSM) beliau, Dr Afandi Ahmad yang juga Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) mengorak langkah meneroka potensi bidang kejuruteraan sukan dan impaknya menerusi pembangunan Simulator Masa-Nyata ke Arah Prestasi-Maksimum dan Kecederaan-Minimum bagi Sukan Mendayung.

Kajian ini mendapat sokongan penuh daripada pasukan UTHM Barracuda yang secara jelas menaruh harapan agar sistem yang dibangunkan ini dapat membantu sistem latihan mereka, khususnya bagi menajamkan kemahiran mendayung, selain meminimumkan risiko kecederaan dan ke arah sistem latihan berasaskan penilaian sendiri. Menggalas harapan FKEE, UTHM dalam pusingan akhir Innovate Malaysia Design Competition (IMDC) 2016 yang berlangsung 9 Ogos lalu di Hotel Equatorial, Pulau Pinang dan berentap bersama-sama dengan 42 pasukan lain daripada pelbagai universiti di Malaysia, kajian ini



Simulator UTHM tarik perhatian juri

Sesi penerangan oleh Muhammad Syafuan semasa penjurian.

akhirnya berjaya menarik perhatian juri yang terdiri pihak industri dan dipilih sebagai Naib Johan bagi trek National Instrument (NI) dengan membawa pulang wang RM3,000 bersama perisian edisi pelajar LabVIEW dan papan perkakasan NI myDAQ.

Lebih manis lagi, kejayaan ini juga diraikan bersama-sama dengan dua lagi projek oleh FKEE UTHM yang

bersaing dalam trek Motorola Solutions oleh Benjamin Low Yen On dan Hafizah Harun, di bawah bimbingan Dr Samsul Haimi Dahlan dan Dr Lukman Hanif Muhammad Audah serta satu lagi pasukan yang terdiri Nur Shilla Obin, Azizul Abd Aziz dan Nur Farezan Mohammed Suhaimi di bawah penasihat Mohd Helmy Abd Wahab dengan masing-masing meraih tempat ketiga dan sagu hati.

IMDC merupakan pertandingan reka bentuk kejuruteraan yang bersifat merentasi pelbagai disiplin untuk pelajar pra-siswazah kejuruteraan dan sains komputer di Malaysia.

Matlamat pertandingan ini adalah untuk

mempromosikan budaya inovasi melibatkan reka bentuk kejuruteraan; penyelesaian masalah sebenar dengan penyelesaian praktikal dengan menggunakan produk oleh pelbagai syarikat multi nasional yang menjadi penganjur bersama pertandingan ini iaitu Altera, Intel, Keysight, MathWorks, Microsoft, Motorola Solutions, National Instruments, SilTerra, dan ViTrox bersama-sama dengan pendokong utamanya iaitu DreamCatcher, Talent Corp Malaysia dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) Malaysia.

Kejayaan ini membuktikan kualiti PSM mahasiswa FKEE UTHM adalah cemerlang dan diiktiraf oleh pihak industri. Ini sewajarnya memberikan motivasi kuat kepada penuntut yang bakal melaksanakan PSM untuk menghasilkan PSM berkualiti tinggi serta dapat menyelesaikan pelbagai permasalahan semasa demi manfaat kepada masyarakat.



Kejayaan bersama Muhammad Syafuan (kanan) bersama penyeliaanya, Dr Afandi.